

17 AUG 2000

JALUR GEMILANG TERBESAR DITURUNKAN DARI UDARA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Lebih 5,000 orang hari ini menyaksikan penurunan Jalur Gemilang yang terbesar dari udara yang dibawa oleh seorang pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sempena pelancaran sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Jalur Gemilang di Dataran Merdeka di sini.

Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menyaksikan penerbangan dan penurunan bendera Malaysia itu oleh Mejar (U) Kamaruddin Abdullah dengan menggunakan payung terjun.

Kamaruddin mengibarkan bendera itu sejeurus selepas membuat penerjunan dari sebuah helikopter dan membuat pendaratan di Dataran Merdeka.

Kamaruddin disertai oleh 18 penerjun daripada Kelab Payung Terjun TUDM dan kelab-kelab payung terjun lain.

Penurunan bendera yang berukuran 3 kali 9.5 meter itu akan direkodkan dalam Malaysia Book of Record.

-- BERNAMA

MK ES NMO